

19 FEB 2003

LANGKAH BERKONGSI INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI DIPERCEPATKAN

KOTA KINABALU, 19 Feb (Bernama) -- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia akan memastikan langkah-langkah diambil dengan segera ke arah perkongsian infrastruktur di antara syarikat-syarikat telekomunikasi, kata pengerusinya Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid.

Bagaimanapun, kerjasama daripada syarikat-syarikat telekomunikasi adalah perlu bagi mencapai matlamat itu, katanya dalam ucapan pada satu seminar mengenai menara dan struktur telekomunikasi di sini hari ini. Teks ucapan beliau dibacakan oleh Pengurus Besar suruhanjaya itu, Nasaruddin Che Abu.

Baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mencadangkan supaya syarikat-syarikat telekomunikasi berkongsi infrastruktur untuk mengurangkan bilangan manara telekomunikasi di bangunan pencakar langit yang mencemarkan keindahan bandar di negara ini.

Terdapat lima buah syarikat telekomunikasi yang beroperasi di Malaysia.

-- BERNAMA

MK MAI